

FELCRA NIAGA SDN. BHD.

DOKUMEN TAWARAN TENDER

**MENGANGKUT DAN MENGHANTAR BAJA DARI GUDANG
KE LADANG-LADANG / ESTET-ESTET BAGI TAHUN 2019**

NO. TAWARAN : TFN 02/2019

**KOD BIDANG PENDAFTARAN : 221704, PENGANGKUTAN LORI
221705, AGEN PENGHANTARAN**

TARIKH IKLAN : 25 JANUARI 2019 (JUMAAT)

TARIKH TUTUP TENDER : 14 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

PERINGATAN :

- 1. Petender-petender dikehendaki meneliti dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen tender sebelum mengemukakan tawaran.**
- 2. Pastikan dokumen tender adalah lengkap dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan, adalah menjadi tanggungjawab petender untuk mendapatkan penjelasan daripada FELCRA Niaga Sdn. Bhd.**

FELCRA NIAGA SDN. BHD.**KENYATAAN TAWARAN****MENGANGKUT DAN MENGHANTAR BAJA DARI GUDANG
KE LADANG-LADANG / ESTET-ESTET BAGI TAHUN 2019****NO. TAWARAN : TFN 02/2019****1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Tawaran Tender ini adalah **Tender Terbuka** dan dipelawa seperti berikut:

- 1.1 Kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan FELCRA Berhad (keutamaan kepada Kontraktor Bumiputera) yang berpengalaman dengan bidang yang berkaitan, mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **221704** dan atau **221705**.
- 1.2 Tempoh pendaftaran syarikat dengan FELCRA Berhad dan Kementerian Kewangan hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran tender.
- 1.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan FELCRA Berhad, Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran mengikut kelayakan tender Kelas / Gred yang ditentukan dan berkaitan untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen tawaran.

2. TEMPOH TAWARAN

- 2.1 Tempoh tawaran tender adalah selama **21 hari bermula pada 25 Januari 2019 (Jumaat)** dan **tarikh tutup tender adalah pada 14 Februari 2019 (Khamis)**.
- 2.2 Petender hendaklah mengemukakan Tawaran Tender **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender**. Tawaran Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

3. DOKUMEN TAWARAN

- 3.1 Dokumen tawaran tender dijual dengan kadar harga **RM 500.00** (tidak dikembalikan). Bayaran bagi Pembelian Dokumen Tawaran adalah berbentuk Tunai / Deraf Bank berpalang atas nama **FELCRA NIAGA SDN. BHD.** Dokumen tawaran boleh didapati melalui Kaunter pada waktu pejabat (antara 9.30 pagi hingga 4.00 petang) di Unit Perolehan, Ibu Pejabat Felcra Niaga Sdn. Bhd. No. 10, Jalan Usahawan 5 Kawasan Perusahaan Setapak Off Jalan Genting Klang 53200 Setapak Kuala Lumpur mulai **25 Januari 2019 (Jumaat)**.

- 3.2 Dokumen tawaran sebutharga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, tuliskan nombor dan nama tawaran. Dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran A di alamat seperti di atas.
- 3.3 Kenyataan ini juga terdapat dalam Laman Web FELCRA Niaga Sdn Bhd : www.felcraniaga.com.my

4. PERTANYAAN

- 4.1 Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan pertanyaan atau memohon penjelasan mengenai arahan / syarat tawaran tertakluk kepada pertanyaan tersebut dibuat secara bertulis kepada **Urusetia Tawaran** dalam tempoh **Dua Puluh Satu (21) hari dalam tempoh tawaran.** melalui medium-medium berikut sahaja:

i) **E-Mel**

tender@felcraniaga.com.my

ii) **Surat**

Alamat surat-menyurat adalah seperti berikut:

FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
No. 10, Jalan Usahawan 5
Kawasan Perusahaan Setapak
53200 Setapak, Kuala Lumpur
(u.p : Urusetia Tawaran – No. Tawaran : TFN 02/2019)

iii) **Faks**

03 41423096

- 4.2 Tiada pertanyaan boleh dibuat selepas tarikh tutup tawaran. Bukti penghantaran pertanyaan tidak boleh dianggap sebagai penerimaan oleh FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
- 4.3 Adalah diingatkan Felcra Niaga Sdn. Bhd. tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.